



16 Disember 2014
16 December 2014
P.U. (A) 332

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PELINDUNG (LANGKAH PERLINDUNGAN) (PERJANJIAN PENUBUHAN KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS ASEAN-AUSTRALIA- NEW ZEALAND) 2014

SAFEGUARDS (SAFEGUARD MEASURE) (AGREEMENT ESTABLISHING THE ASEAN-AUSTRALIA- NEW ZEALAND FREE TRADE AREA) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PELINDUNG 2006

PERATURAN-PERATURAN PELINDUNG (LANGKAH PERLINDUNGAN)
(PERJANJIAN PENUBUHAN KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS
ASEAN-AUSTRALIA-NEW ZEALAND) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 40A(2) Akta Pelindung 2006 [Akta 657], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pelindung (Langkah Perlindungan) (Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“AANZFTA” ertinya Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand;

“ASEAN” ertinya Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara;

“Perjanjian” ertinya Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand yang ditandatangani pada 27 Februari 2009 di Cha-am, Petchaburi, Thailand;

“Pihak” ertinya suatu pihak kepada Perjanjian yang secara individu merujuk kepada suatu Negara Anggota ASEAN, Australia atau New Zealand;

“Pihak-Pihak” ertinya pihak-pihak kepada Perjanjian.

Objektif

3. Objektif Peraturan-Peraturan ini adalah untuk melaksanakan peruntukan mengenai langkah perlindungan di bawah Perjanjian.

Langkah perlindungan

4. Pengegaan langkah perlindungan berhubung dengan peningkatan import barangan dari Negara Anggota ASEAN, Australia dan New Zealand yang telah menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kemudaratan yang serius terhadap industri dalam negeri adalah tertakluk kepada peruntukan Jadual.

JADUAL
[Peraturan 4]
Langkah Perlindungan
(Bab 7 Perjanjian)

Perkara 1

Skop

Bab ini terpakai bagi langkah perlindungan yang diterima pakai atau dikekalkan oleh suatu Pihak melibatkan perdagangan barangan antara Pihak-Pihak semasa tempoh peralihan perlindungan.

Perkara 2

Takrif

Bagi maksud Bab ini:

- (a) industri dalam negeri ertinya, berkenaan dengan suatu barangan import, pengeluar secara keseluruhannya barangan serupa atau yang bersaing secara langsung yang beroperasi dalam suatu Pihak, atau pengeluar yang output kolektif barangan serupa atau yang bersaing secara langsung membentuk sebahagian besar jumlah pengeluaran domestik barangan itu;

- (b) langkah perlindungan global ertinya suatu langkah yang dikenakan di bawah Perkara XIX GATT 1994 dan Perjanjian tentang Pelindung dalam Lampiran 1A kepada Perjanjian WTO (Perjanjian Pelindung) atau Perkara 5 Perjanjian Pertanian dalam Lampiran 1A kepada Perjanjian WTO (Perjanjian Pertanian);
- (c) langkah sementara ertinya langkah perlindungan sementara yang diperihalkan dalam Perkara 7 (Langkah Perlindungan Sementara);
- (d) langkah perlindungan ertinya langkah perlindungan peralihan yang diperihalkan dalam Perkara 6 (Skop dan Jangka Masa Langkah Perlindungan Peralihan);
- (e) kemudaratan serius ertinya kejejasan keseluruhan yang signifikan terhadap kedudukan suatu industri dalam negeri;
- (f) ancaman kemudaratan serius ertinya kemudaratan serius yang, berasaskan fakta dan bukanlah hanya pengataan, agakan atau kemungkinan kecil, jelas hampir; dan
- (g) tempoh perlindungan peralihan ertinya, berhubung dengan barangan tertentu, tempoh mulai kuat kuasa Perjanjian ini sehingga tiga tahun selepas duti kastam atas barangan itu dihapuskan, atau dikurangkan kepada komitmen muktamad, mengikut jadual komitmen tarif Pihak itu dalam Lampiran 1 (Jadual Komitmen Tarif).

Perkara 3

Pengenaan Langkah Perlindungan

Jika, sebagai hasil daripada pengurangan atau penghapusan duti kastam di bawah Perjanjian ini, barangan yang berasal daripada Pihak lain atau Pihak-Pihak lain diimport ke dalam wilayah sesuatu Pihak semasa tempoh perlindungan peralihan bagi barangan

itu dengan kuantiti yang meningkat, secara mutlak atau relatif kepada pengeluaran dalam negeri, dan dalam keadaan itu menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kemudaratan yang serius terhadap industri dalam negeri yang mengeluarkan barangan serupa atau barangan yang bersaing secara langsung, Pihak itu boleh:

- (a) menggantung pengurangan lanjut apa-apa kadar duti kastam yang diperuntukkan di bawah Perjanjian ini bagi barangan itu; atau
- (b) menaikkan kadar duti kastam barangan itu ke suatu tahap tidak melebihi kadar yang paling kurang:
 - (i) kadar duti terpakai negara keutamaan bagi barangan itu yang berkuat kuasa pada masa tindakan itu diambil; atau
 - (ii) kadar duti terpakai negara keutamaan bagi barangan itu yang berkuat kuasa pada hari sebaik sebelum tarikh kuat kuasa Perjanjian ini.

Perkara 4

Penyiasatan

1. Suatu Pihak hendaklah mengambil langkah perlindungan hanya selepas suatu penyiasatan oleh pihak berkuasa berwibawa Pihak itu mengikut tatacara yang sama sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 3 dan Perkara 4.2 Perjanjian Pelindung; dan bagi maksud ini, Perkara 3 dan Perkara 4.2 Perjanjian Pelindung hendaklah dimasukkan dan hendaklah membentuk sebahagian daripada Perjanjian ini, *mutatis mutandis*.

2. Setiap Pihak hendaklah memastikan bahawa pihak berkuasa berwibawanya menyelesaikan apa-apa penyiasatan itu dengan cepat dan, dalam apa-apa keadaan, dalam masa satu tahun dari tarikh pemulaan penyiasatan.

Perkara 5
Pemberitahuan

1. Suatu Pihak hendaklah memberitahu dengan serta-merta Pihak-Pihak lain, secara bertulis, mengenai:

- (a) pemulaan penyiasatan di bawah Perkara 4 (Penyiasatan);
- (b) pembuatan suatu dapatan kemudaratan serius atau ancamannya yang disebabkan oleh kenaikan import barangan yang berasal daripada Pihak lain atau Pihak-Pihak lain yang berbangkit daripada pengurangan atau penghapusan duti kastam bagi barangan itu;
- (c) pengambilan keputusan untuk mengenakan atau melanjutkan langkah perlindungan;
- (d) pengambilan keputusan untuk meliberalisasikan secara progresif sesuatu langkah perlindungan yang ada; atau
- (e) penganan langkah sementara.

2. Suatu Pihak hendaklah memberikan dengan segera kepada Pihak-Pihak lain sesalinan laporan pihak berkuasa berwibawanya versi awam yang dikehendaki di bawah Perkara 4 (Penyiasatan).

3. Dalam membuat pemberitahuan menurut Perenggan 1(c), Pihak yang mengenakan atau melanjutkan suatu langkah perlindungan hendaklah memberikan Pihak-Pihak lain keterangan mengenai kemudaratan serius atau ancaman kemudaratan serius yang disebabkan oleh peningkatan import barangan asal Pihak atau Pihak-Pihak lain berbangkit daripada pengurangan atau penghapusan duti kastam menurut Perjanjian ini. Pemberitahuan itu hendaklah termasuk:

- (a) suatu perihal lengkap mengenai barangan asal itu tertakluk kepada langkah perlindungan yang dicadangkan termasuk kepala atau subkepala di bawah Kod H.S., yang menjadi asas kepada jadual komitmen tarif dalam Lampiran 1 (Jadual Komitmen Tarif);
- (b) suatu perihal lengkap mengenai langkah perlindungan yang dicadangkan; dan
- (c) tarikh yang dicadangkan bagi pelaksanaan langkah perlindungan, tempoh waktunya yang dijangkakan, dan jadual waktu bagi liberalisasi progresif langkah itu, jika berkenaan. Dalam hal pelanjutan sesuatu langkah, keterangan bahawa industri dalam negeri yang berkenaan sedang menjalani penyesuaian hendaklah juga dimasukkan.

Apabila dipohon, Pihak yang mengenakan atau melanjutkan langkah perlindungan hendaklah memberikan maklumat tambahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pihak atau Pihak-Pihak lain.

4. Suatu Pihak yang bercadang untuk mengenakan atau melanjutkan langkah perlindungan hendaklah memberikan peluang yang mencukupi bagi rundingan awal dengan Pihak-Pihak yang sepatutnya akan terjejas dengan langkah perlindungan dengan tujuan untuk menyemak semula maklumat yang diberikan di bawah Perenggan 2 dan 3 yang timbul daripada penyiasatan yang disebut dalam Perkara 4 (Penyiasatan), bertukar pandangan mengenai langkah perlindungan dan mencapai persetujuan mengenai ganti rugi sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 8 (Ganti Rugi).

5. Sekiranya suatu Pihak mengenakan langkah perlindungan sementara yang disebut dalam Perkara 7 (Langkah Perlindungan Sementara), atas permohonan Pihak atau Pihak-Pihak lain, rundingan hendaklah dimulakan dengan serta-merta selepas permohonan itu.

6. Peruntukan mengenai pemberitahuan di bawah Bab ini tidak menghendaki sesuatu Pihak untuk menzahirkan maklumat sulit yang sepatutnya akan merintang

penguatkuasaan undang-undang atau sebaliknya akan bertentangan dengan kepentingan awam atau akan menjejaskan kepentingan komersil yang sah sesuatu perusahaan tertentu, awam atau swasta.

Perkara 6

Skop dan Jangka Masa Langkah Perlindungan Peralihan

1. Suatu Pihak tidak boleh mengekalkan langkah perlindungan:
 - (a) kecuali setakat, dan bagi apa-apa masa, sebagaimana yang perlu bagi mencegah atau meremedi kemudaratan serius dan untuk memudahkan penyesuaian;
 - (b) bagi suatu tempoh melebihi dua tahun, kecuali bahawa tempoh itu boleh dilanjutkan sehingga satu tahun jika ditentukan oleh pihak berkuasa berwajib Pihak itu, mengikut tatacara yang disebut dalam Perkara 4 (Penyiasatan), bahawa langkah perlindungan itu terus diperlukan bagi mencegah atau meremedi kemudaratan serius dan untuk memudahkan penyesuaian dan bahawa terdapat keterangan bahawa industri itu sedang menjalani penyesuaian; atau
 - (c) bagi suatu tempoh melebihi tiga tahun, termasuklah apa-apa pelanjutan.
2. Suatu langkah perlindungan tidak boleh dikenakan terhadap barangan asal suatu Pihak yang merupakan Negara Anggota ASEAN, selagi bahagian importnya bagi barangan itu dalam Pihak pengimport tidak melebihi tiga peratus daripada jumlah import daripada Pihak-Pihak lain, dengan syarat bahawa Pihak-Pihak itu yang mempunyai kurang daripada tiga peratus bahagian import secara kolektif bertanggungjawab bagi tidak lebih daripada sembilan peratus daripada jumlah keseluruhan import barangan itu daripada Pihak-Pihak lain.
3. Sekiranya jangka masa bagi langkah perlindungan adalah lebih daripada satu tahun, Pihak pengimport hendaklah memastikan bahawa langkah perlindungan

diliberalisasikan secara progresif pada selang waktu yang tetap semasa tempoh pelaksanaan.

4. Apabila suatu Pihak menamatkan langkah perlindungan bagi sesuatu barangan, kadar duti kastam bagi barangan itu hendaklah tidak lebih tinggi daripada kadar, mengikut jadual komitmen tarif Pihak-Pihak dalam Lampiran 1 (Jadual Komitmen Tarif), yang sepatutnya berkuat kuasa seolah-olah langkah perlindungan itu tidak pernah dikenakan.

5. Tidak kira tempohnya atau sama ada ia tertakluk kepada pelanjutan, langkah perlindungan atas sesuatu barangan hendaklah ditamatkan berikutan berakhirnya tempoh langkah perlindungan peralihan bagi barangan itu.

6. Tiada langkah perlindungan boleh dikenakan sekali lagi terhadap import barangan asal tertentu yang tertakluk kepada langkah perlindungan itu, bagi tempoh masa yang sama dengan jangka masa langkah perlindungan sebelumnya, atau dua tahun, mengikut mana-mana yang lebih lama.

7. Suatu Pihak tidak boleh mengenakan langkah perlindungan terhadap barangan asal yang telah diimport sehingga had kuantiti kuota yang diberikan di bawah kuota kadar tarif yang terpakai mengikut jadual komitmen tarif dalam Lampiran 1 (Jadual Komitmen Tarif).

Perkara 7

Langkah Perlindungan Sementara

1. Dalam keadaan kritikal, sekiranya kelewatan akan mengakibatkan kerosakan yang sukar untuk dibaiki, suatu Pihak boleh mengambil langkah sementara, menurut suatu penentuan awal bahawa terdapat keterangan yang jelas bahawa peningkatan import barangan yang berasal daripada Pihak atau Pihak-Pihak lain telah menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kemudaratan serius terhadap industri dalam negeri.

2. Jangka masa langkah sementara itu hendaklah tidak melebihi 200 hari, yang sewaktu itu kehendak yang berkaitan Perkara 2 (Takrif), Perkara 3 (Pengenaaan Langkah Perlindungan), Perkara 4 (Penyiasatan), Perkara 5 (Pemberitahuan) dan Perkara 6 (Skop dan Jangka Masa Langkah Perlindungan Peralihan) hendaklah dipenuhi. Jangka masa bagi apa-apa langkah sementara hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada tempoh pemulaan dan apa-apa pelanjutan yang disebut dalam Perkara 6 (Skop dan Jangka Masa Langkah Perlindungan Peralihan).

3. Duti kastam yang dikenakan berbangkit daripada langkah sementara hendaklah dibayar balik jika penyiasatan seterusnya yang disebut dalam Perkara 4 (Penyiasatan) tidak menentukan bahawa peningkatan import barangan asal itu telah menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kemudaratan serius terhadap industri dalam negeri.

Perkara 8

Ganti Rugi

1. Pihak yang bercadang untuk mengenakan langkah perlindungan hendaklah, setelah berunding dengan Pihak atau Pihak-Pihak pengeksport yang sepatutnya terkesan dengan langkah itu, memberikan kepada Pihak atau Pihak-Pihak itu cara yang mencukupi yang telah dipersetujui secara bersama ganti rugi perdagangan dalam bentuk tahap konsesi setaraf yang substantif atau obligasi lain yang wujud di bawah Perjanjian ini antara Pihak yang mengenakan langkah perlindungan dan Pihak atau Pihak-Pihak pengeksport yang sepatutnya akan terjejas dengan langkah itu.

2. Dalam mendapatkan ganti rugi di bawah Perenggan 1 bagi langkah perlindungan, jika Pihak-Pihak sama-sama bersetuju, Pihak-Pihak bolehlah mengadakan rundingan dibuat dalam Jawatankuasa Barangan yang ditubuhkan menurut Perkara 11 (Jawatankuasa Perdagangan Barangan) Bab 2 (Perdagangan Barangan) untuk menentukan tahap konsesi setaraf yang substantif yang wujud di bawah Perjanjian ini antara Pihak yang mengambil langkah perlindungan dan Pihak atau Pihak-Pihak pengeksport yang sepatutnya akan terjejas dengan langkah itu sebelum sebarang penangguhan konsesi setaraf. Apa-apa prosiding yang timbul

daripada perundingan itu hendaklah diselesaikan dalam masa 30 hari dari tarikh langkah perlindungan itu dikenakan.

3. Sekiranya tiada persetujuan mengenai ganti rugi dicapai dalam rangka masa yang dinyatakan dalam Perenggan 2, Pihak atau Pihak-Pihak yang terhadapnya langkah itu dikenakan berkenaan dengan barangan asalnya boleh menanggungkan pelaksanaan konsesi setaraf yang substantif terhadap perdagangan Pihak yang melaksanakan langkah perlindungan itu. Pihak atau Pihak-Pihak boleh menanggungkan konsesi itu hanya bagi tempoh minimum yang perlu bagi mencapai kesan setaraf yang substantif dan hanya semasa langkah perlindungan dikekalkan. Hak penanggungkan yang diperuntukkan dalam Perenggan ini tidak boleh dilaksanakan dalam masa dua tahun pertama langkah perlindungan itu sedang berkuat kuasa, dengan syarat bahawa langkah perlindungan itu telah dikenakan berbangkit daripada peningkatan mutlak dalam import dan bahawa langkah perlindungan itu mematuhi Bab ini.

4. Suatu Pihak hendaklah memberitahu Pihak-Pihak yang lain secara bertulis sekurang-kurangnya 30 hari sebelum menanggungkan konsesi di bawah Perenggan 3.

5. Obligasi untuk memberikan ganti rugi di bawah Perenggan 1 dan hak untuk menanggungkan konsesi setaraf yang substantif di bawah Perenggan 3 hendaklah tamat apabila langkah perlindungan ditamatkan.

Perkara 9

Hubungan dengan Perjanjian WTO

1. Setiap Pihak akan mengekalkan hak dan obligasinya di bawah Perkara XIX GATT 1994, Perjanjian Pelindung dan Perkara 5 Perjanjian Pertanian. Perjanjian ini tidak memberikan apa-apa hak dan obligasi tambahan kepada Pihak-Pihak mengenai langkah perlindungan global.

2. Suatu Pihak tidak boleh melaksanakan langkah perlindungan atau langkah sementara, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 6 (Skop dan Jangka Masa Langkah Perlindungan Peralihan) atau Perkara 7 (Langkah Perlindungan Sementara)

atas sesuatu barangan yang tertakluk kepada suatu langkah yang telah dikenakan oleh suatu Pihak menurut Perkara XIX GATT 1994 dan Perjanjian Pelindung, Perjanjian Pertanian atau apa-apa peruntukan yang berkaitan dalam Perjanjian WTO, mahupun tidak boleh terus mengekalkan langkah perlindungan atau langkah sementara atas barangan yang tertakluk kepada langkah yang dikenakan oleh suatu Pihak menurut Perkara XIX GATT 1994 dan Perjanjian Pelindung, Perjanjian Pertanian atau apa-apa peruntukan lain yang berkaitan dalam Perjanjian WTO.

3. Pihak yang mempertimbangkan untuk mengenakan langkah perlindungan global atas suatu barangan asal Pihak atau Pihak-Pihak yang lain hendaklah terlebih dahulu memulakan perundingan dengan Pihak atau Pihak-Pihak itu sebelum mengambil langkah itu sebagaimana yang boleh dipraktikkan.

Dibuat 5 Disember 2014

[MITI:ID/(S/AP/SG/045/2); PN(PU2)647/II]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

SAFEGUARDS ACT 2006

SAFEGUARDS (SAFEGUARD MEASURE) (AGREEMENT ESTABLISHING THE
ASEAN–AUSTRALIA–NEW ZEALAND FREE TRADE AREA) REGULATIONS 2014

IN exercise of the powers conferred by subsection 40A(2) of the Safeguards Act 2006 [Act 657], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Safeguards (Safeguard Measure) (Agreement establishing the ASEAN–Australia–New Zealand Free Trade Area) Regulations 2014**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2015.

Interpretation

2. In these Regulations—

“AANZFTA” means the ASEAN–Australia–New Zealand Free Trade Area;

“ASEAN” means the Association of Southeast Asian Nations;

“Agreement” means the Agreement Establishing the ASEAN–Australia–New Zealand Free Trade Area signed on 27 February 2009 at Cha-am, Petchaburi, Thailand;

“Party” means a party to the Agreement individually referring to an ASEAN Member State, Australia or New Zealand;

“Parties” means the parties to the Agreement.

Objective

3. The objective of these Regulations is to implement the provisions on the safeguard measure under the Agreement.

Safeguard measure

4. The application of the safeguard measure in relation to the increased imports of the goods from the ASEAN Member States, Australia and New Zealand which have caused or threaten to cause serious injury to the domestic industry is subject to the provisions of the Schedule.

SCHEDULE

[Regulation 4]

Safeguard Measure

(Chapter 7 of the Agreement)

Article 1

Scope

This Chapter applies to safeguard measures adopted or maintained by a Party affecting trade in goods among the Parties during the transitional safeguard period.

Article 2

Definitions

For the purposes of this Chapter:

- (a) domestic industry means, with respect to an imported good, the producers as a whole of the like or directly competitive goods operating within a Party, or those whose collective output of the like or directly competitive goods constitutes a major proportion of the total domestic production of those goods;
- (b) global safeguard measure means a measure applied under Article XIX of GATT 1994 and the Agreement on Safeguards in Annex 1A to the WTO Agreement (Safeguards Agreement) or Article 5 of the Agreement on Agriculture in Annex 1A to the WTO Agreement (Agreement on Agriculture);

- (c) provisional measure means a provisional safeguard measure described in Article 7 (Provisional Safeguard Measures);
- (d) safeguard measure means a transitional safeguard measure described in Article 6 (Scope and Duration of Transitional Safeguard Measures);
- (e) serious injury means a significant overall impairment in the position of a domestic industry;
- (f) threat of serious injury means serious injury that, on the basis of facts and not merely on allegation, conjecture, or remote possibility, is clearly imminent; and
- (g) transitional safeguard period means, in relation to a particular good, the period from the entry into force of this Agreement until three years after the customs duty on that good is to be eliminated, or reduced to its final commitment, in accordance with that Party's schedule of tariff commitments in Annex 1 (Schedules of Tariff Commitments).

Article 3

Imposition of a Safeguard Measure

If, as a result of the reduction or elimination of a customs duty under this Agreement, an originating good of another Party or Parties is being imported into the territory of a Party during the transitional safeguard period for that good in such increased quantities, in absolute terms or relative to domestic production, and under such conditions as to cause or threaten to cause serious injury to a domestic industry that produces like or directly competitive goods, that Party may:

- (a) suspend the further reduction of any rate of customs duty provided for under this Agreement on the good; or

- (b) increase the rate of customs duty on the good to a level not exceeding the lesser of:
 - (i) the most-favoured-nation applied rate of duty on the good in effect at the time the action is taken; or
 - (ii) the most-favoured-nation applied rate of duty on the good in effect on the day immediately preceding the date of entry into force of this Agreement.

Article 4
Investigation

1. A Party shall take a safeguard measure only following an investigation by that Party's competent authorities in accordance with the same procedures as those provided for in Article 3 and Article 4.2 of the Safeguards Agreement; and to this end, Article 3 and Article 4.2 of the Safeguards Agreement shall be incorporated into and shall form part of this Agreement, *mutatis mutandis*.
2. Each Party shall ensure that its competent authorities complete any such investigation expeditiously and, in any event, within one year following the date of its initiation.

Article 5
Notification

1. A Party shall immediately notify the other Parties, in writing, on:
 - (a) initiating an investigation under Article 4 (Investigation);
 - (b) making a finding of serious injury or threat thereof caused by increased imports of an originating good of another Party or Parties resulting from the reduction or elimination of a customs duty on that originating good;

- (c) taking a decision to apply or extend a safeguard measure;
- (d) taking a decision to progressively liberalise an existing safeguard measure; or
- (e) applying a provisional measure.

2. A Party shall provide promptly to the other Parties a copy of the public version of the report of its competent authorities required under Article 4 (Investigation).

3. In making a notification pursuant to Paragraph 1(c), the Party applying or extending a safeguard measure shall provide the other Parties with evidence of serious injury or threat of serious injury caused by increased imports of an originating good of another Party or Parties as a result of the reduction or elimination of a customs duty pursuant to this Agreement. Such notification shall include:

- (a) a precise description of the originating good subject to the proposed safeguard measure including its heading or subheading under the HS Code, on which the schedules of tariff commitments in Annex 1 (Schedules of Tariff Commitments) are based;
- (b) a precise description of the proposed safeguard measure; and
- (c) the proposed date of the safeguard measure's introduction, its expected duration, and a timetable for progressive liberalisation of the measure, if applicable. In the case of an extension of a measure, evidence that the domestic industry concerned is adjusting shall also be provided.

Upon request, the Party applying or extending a safeguard measure shall provide additional information as another Party or Parties may consider necessary.

4. A Party proposing to apply or extend a safeguard measure shall provide adequate opportunity for prior consultations with those Parties which would be

affected by the safeguard measure with a view to reviewing the information provided under Paragraphs 2 and 3 arising from the investigation referred to in Article 4 (Investigation), exchanging views on the safeguard measure and reaching an agreement on compensation as set forth in Article 8 (Compensation).

5. Where a Party applies a provisional measure referred to in Article 7 (Provisional Safeguard Measures), on request of another Party or Parties, consultations shall be initiated immediately after such application.

6. The provisions on notification in this Chapter shall not require a Party to disclose confidential information the disclosure of which would impede law enforcement or otherwise be contrary to the public interest or would prejudice the legitimate commercial interests of particular enterprises, public or private.

Article 6

Scope and Duration of Transitional Safeguard Measures

1. A Party may not maintain a safeguard measure:
 - (a) except to the extent, and for such time, as may be necessary to prevent or remedy serious injury and to facilitate adjustment;
 - (b) for a period exceeding two years, except that the period may be extended by up to one year if the competent authorities of that Party determine, in conformity with the procedures referred to in Article 4 (Investigation), that the safeguard measure continues to be necessary to prevent or remedy serious injury and to facilitate adjustment and that there is evidence that the industry is adjusting; or
 - (c) for a period exceeding three years, including any extension.
2. A safeguard measure shall not be applied against an originating good of a Party which is an ASEAN Member State, as long as its share of imports of the good concerned

in the importing Party does not exceed three per cent of the total imports from the other Parties, provided that those Parties with less than three per cent import share collectively account for not more than nine per cent of total imports of the good concerned from the other Parties.

3. Where the expected duration of the safeguard measure is over one year, the importing Party shall ensure that the safeguard measure is progressively liberalised at regular intervals during the period of application.

4. When a Party terminates a safeguard measure on a good, the rate of customs duty for that good shall be no higher than the rate that, according to the Party's schedule of tariff commitments in Annex 1 (Schedules of Tariff Commitments), would have been in effect as if the safeguard measure had never been applied.

5. Regardless of its duration or whether it has been subject to extension, a safeguard measure on a good shall terminate following the end of the transitional safeguard period for such good.

6. No safeguard measure shall be applied again to the import of a particular originating good which has been subject to such a safeguard measure, for a period of time equal to the duration of the previous safeguard measure, or two years, whichever is longer.

7. A Party shall not apply a safeguard measure to an originating good imported up to the limit of quota quantities granted under tariff rate quotas applied in accordance with its schedule of tariff commitments in Annex 1 (Schedules of Tariff Commitments).

Article 7

Provisional Safeguard Measures

1. In critical circumstances, where delay would cause damage which would be difficult to repair, a Party may take a provisional measure, pursuant to a preliminary determination that there is clear evidence that increased imports of an originating good

from another Party or Parties have caused or are threatening to cause serious injury to a domestic industry.

2. The duration of such a provisional measure shall not exceed 200 days, during which time the relevant requirements of Article 2 (Definitions), Article 3 (Imposition of a Safeguard Measure), Article 4 (Investigation), Article 5 (Notification) and Article 6 (Scope and Duration of Transitional Safeguard Measures) shall be met. The duration of any provisional measure shall be counted as part of the initial period and any extension as referred to in Article 6 (Scope and Duration of Transitional Safeguard Measures).

3. The customs duty imposed as a result of the provisional measure shall be refunded if the subsequent investigation referred to in Article 4 (Investigation) does not determine that increased imports of the originating good have caused or threatened to cause serious injury to a domestic industry.

Article 8

Compensation

1. The Party proposing to apply a safeguard measure shall, in consultation with the exporting Party or Parties who would be affected by such a measure, provide to that Party or Parties mutually agreed adequate means of trade compensation in the form of substantially equivalent level of concessions or other obligations to that existing under this Agreement between the Party applying the safeguard measure and the exporting Party or Parties who would be affected by such a measure.

2. In seeking compensation under Paragraph 1 for a safeguard measure, if the Parties mutually agree, they may hold consultations in the Goods Committee established pursuant to Article 11 (Committee on Trade in Goods) of Chapter 2 (Trade in Goods) to determine the substantially equivalent level of concessions to that existing under this Agreement between the Party taking the safeguard measure and the exporting Party or Parties who would be affected by such a measure prior to any suspension of equivalent concessions. Any proceedings arising from such consultations shall be completed within 30 days from the date on which the safeguard measure was applied.

3. If no agreement on the compensation is reached within the time frame specified in Paragraph 2, the Party or Parties against whose originating good the measure is applied may suspend the application of substantially equivalent concessions to the trade of the Party applying the safeguard measure. The Party or Parties may suspend the concessions only for the minimum period necessary to achieve the substantially equivalent effects and only while the safeguard measure is maintained. The right of suspension provided for in this Paragraph shall not be exercised for the first two years that a safeguard measure is in effect, provided that the safeguard measure has been applied as a result of an absolute increase in imports and that such a safeguard measure conforms to this Chapter.

4. A Party shall notify the other Parties in writing at least 30 days before suspending concessions under Paragraph 3.

5. The obligation to provide compensation under Paragraph 1 and the right to suspend substantially equivalent concessions under Paragraph 3 shall terminate on the termination of the safeguard measure.

Article 9

Relationship to the WTO Agreement

1. Each Party retains its rights and obligations under Article XIX of GATT 1994, the Safeguards Agreement and Article 5 of the Agreement on Agriculture. This Agreement does not confer any additional rights or obligations on the Parties with regard to global safeguard measures.

2. A Party shall not apply a safeguard measure or provisional measure, as provided in Article 6 (Scope and Duration of Transitional Safeguard Measures) or Article 7 (Provisional Safeguard Measures) on a good that is subject to a measure that the Party has applied pursuant to Article XIX of GATT 1994 and the Safeguards Agreement, the Agreement on Agriculture or any other relevant provisions in the WTO Agreement, nor shall a Party continue to maintain a safeguard measure or provisional measure on a good that becomes subject to a measure that the Party applies pursuant to Article XIX of

GATT 1994 and the Safeguards Agreement, the Agreement on Agriculture or any other relevant provisions in the WTO Agreement.

3. A Party considering the imposition of a global safeguard measure on an originating good of another Party or Parties shall initiate consultations with that Party or Parties as far in advance of taking such measure as practicable.

Made 5 December 2014

[MITI:ID/(S/AP/SG/045/2); PN(PU2)647/II]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
Minister of International Trade and Industry